





KOD ETIKA

JABATAN PEGUAM NEGARA



KOD ETIKA JABATAN PEGUAM NEGARA

TUJUAN

Kod Etika ini bertujuan untuk membantu memudahkan warga Jabatan Peguam Negara (JPN) mengotakan ikrar dan aku janji yang telah dilafazkan dalam pelaksanaan tanggungjawab masing-masing terhadap diri, JPN, Perkhidmatan Awam dan Negara.

DEFINISI

Menurut Pelan Integriti Nasional (PIN), Etika ditafsirkan sebagai himpunan nilai dan moral yang menjadi piawai bagi tingkah laku individu, organisasi dan profesion.

KEWAJIPAN TERHADAP ORGANISASI

Warga JPN hendaklah memahami dengan jelas dan mematuhi sepenuhnya hala tuju organisasi seperti berikut:

Visi

Organisasi Perundangan Awam Bertaraf Dunia.

Misi

Untuk mendukung undang-undang dan melindungi kepentingan negara dengan memberikan nasihat dan perkhidmatan perundangan yang berkualiti tinggi dengan cekap, adil dan saksama mengikut Perlembagaan dan undang-undang.

Objektif

Memberi perkhidmatan dan perundangan yang berkualiti dan akan sentiasa bertindak mengikut Perlembagaan dan undang-undang dengan cekap, adil dan saksama.

Fungsi

- Memberikan arahan dan mengendalikan pendakwaan bagi kes-kes jenayah.
- Mewakili Kerajaan dalam semua kes-kes sivilnya.
- Menjadi sumber rujukan kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri mengenai apa-apa masalah perundangan yang timbul.
- Memberikan khidmat nasihat, termasuk memberikan khidmat nasihat dalam bidang undang-undang antarabangsa dan syariah kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.
- Menggubal semua perundangan untuk Kerajaan Persekutuan.
- Menguruskan penyemakan dan pencetakan semula undang-undang dan membuat kajian pembaharuan undang-undang.

KOD ETIKA

Sebagai sebuah agensi yang berteraskan undang-undang, maka setiap warga JPN perlu mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan sehari-hari agar ia menjadi sebuah organisasi yang dihormati.

Etika dan nilai JPN dikategorikan kepada dua (2) kategori iaitu nilai teras dan nilai kembangan. Di samping itu, tata kelakuan warga JPN turut digariskan sebagai tambahan kepada perlakuan yang perlu diamalkan oleh semua warga JPN.

NILAI-NILAI TERAS

1. Benar

Setiap amalan, tindakan dan perilaku hendaklah berasaskan kebenaran selaras dengan etika, peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan

2. Amanah

Sentiasa menyedari hakikat bahawa tugas adalah amanah yang perlu dilaksanakan dengan sebaik-baiknya dengan penuh tanggungjawab, berusaha menghindar dengan rela hati kepentingan diri dari mengatasi kepentingan tugas dan memastikan tidak ada penyelewengan dalam tugas sama ada dari segi masa, kuasa, sumber kewangan, peralatan dan tenaga kerja.

3. Bijaksana

Sentiasa berusaha melaksanakan tugas dan tanggung jawab secara bijaksana (*work smart*) berpandukan ilmu, kemahiran dan tahap profesionalisme yang tinggi dengan

pertimbangan yang teliti dalam sesuatu tindakan berasaskan fakta tertentu dengan mengambil kira kepentingan organisasi, perkhidmatan dan negara.

4. Telus

Setiap tindakan dan keputusan hendaklah dibuat melalui proses yang telus dan maklumatnya perlu dihebahkan kepada pihak yang berhak selagi ia tidak bercanggah dengan undang-undang dan peraturan.

5. Bersyukur

Sentiasa menghargai nikmat dan rahmat Tuhan, menunjukkan sikap berterima kasih dan gembira dapat melaksanakan tugas, berkecenderungan melihat keadaan dengan lebih positif, redha dengan kedudukan dan pangkat, berbelanja dengan berhemah dan berkhidmat sebagai ibadat.

6. Adil

Sentiasa berusaha membuat pertimbangan yang saksama semasa membuat keputusan dalam setiap tindakan berasaskan undang-undang, peraturan-peraturan, arahan pentadbiran, keutamaan dan fakta yang lengkap dan tepat.

NILAI-NILAI KEMBANGAN

1. Inovatif

Sentiasa bersedia melahirkan pemikiran yang positif dan terbuka, bersikap proaktif, serta bersedia menerima sebarang transformasi dan berusaha menguasainya melalui kaedah dan strategi yang berkesan untuk memberi perkhidmatan cemerlang.

2. Kreatif

Sentiasa berusaha melalui pelbagai cara dan kaedah yang sesuai dalam bentuk yang mudah dan praktikal untuk menghasilkan kerja dan tugas yang lebih berkualiti.

3. Cemerlang

Sentiasa berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai kesempurnaan dalam tugas dan hidup, mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran (*life long learning*) untuk memperbaiki taraf hidup dan berusaha gigih bagi mencapai tahap hasil kerja yang cemerlang.

4. Disiplin

Sentiasa mematuhi peraturan, memberi keutamaan mengikut kepentingan, mengamalkan cara bekerja yang kemas, teratur dan terancang serta menepati masa dan janji.

5. Berwawasan

Sentiasa berpandangan jauh dalam setiap tindakan yang diambil demi kepentingan agama, bangsa dan negara.

6. Bekerjasama

Sentiasa mengamalkan sikap tololong menolong, permuafakatan, bersikap sukarela menyertai aktiviti-aktiviti organisasi dan bekerja sebagai satu pasukan yang mantap bagi melahirkan suasana keseronokan bekerja dan harmoni.

7. Profesionalisme

Mempunyai komitmen yang tinggi, cekap dan tidak menggunakan kedudukan untuk kepentingan sendiri, bermotivasi dan berdaya saing serta berusaha memberikan yang terbaik.

8. Bersih

Mengamalkan kebersihan zahir dan batin, di mana setiap anggota hendaklah bersih dari segi rohani dan jasmani. Sentiasa mengamalkan ketelusan hati dalam menjalankan tugas dan kebersihan pakaian serta persekitaran sebagai satu cara hidup. Bersih dalam pemilikan harta, membuat pertimbangan yang teliti dan adil tanpa dipengaruhi hawa nafsu dan emosi.

9. Tekun

Sentiasa melakukan sesuatu tugas dengan rajin, bersungguh-sungguh, sabar, tidak putus asa dan konsisten.

10. Penyayang

Sentiasa mempunyai perasaan belas kasihan sesama insan dan mempunyai sikap ingin membantu mereka yang menghadapi sesuatu masalah.

11. Berani

Sentiasa mengamalkan konsep berani kerana benar, berani berasaskan ilmu dan berani membuat keputusan.

12. Semangat Kerja Berpasukan

Mengamalkan sikap tidak mementingkan diri, bertoleransi dan sentiasa mengambil kira pandangan daripada pihak lain yang berkaitan.

13. Responsif, Cekap Dan Berkualiti

Sentiasa berusaha melaksana dan menyiapkan sesuatu tugas dengan serta-merta atau dalam tempoh masa yang paling singkat (*responsive*) dan dengan kadar kesilapan yang sangat minimum bagi menghasilkan *output* yang bermutu tinggi serta menepati kehendak *stakeholders* atau pelanggan.

14. Ikhlas

Sentiasa berhati mulia dalam melaksanakan tugas tanpa mengharapkan balasan manusia, mempunyai niat bertugas kerana Tuhan untuk mencari rezeki yang halal serta keredhaanNya dan mengikis sebarang unsur kepentingan diri dalam melaksanakan tugas sebagai asas pengisian amanah.

15. Tabah

Sentiasa cekal menghadapi cabaran-cabaran tugas dan tidak putus asa ketika berhadapan dengan cabaran-cabaran tersebut.

16. Bertanggungjawab

Sentiasa melakukan tugas dengan penuh sedar akan implikasi baik dan buruknya, bersedia berkhidmat dan menghulurkan bantuan bila-bila masa diperlukan, tidak mengkhianati kepentingan organisasi/institusi/awam dalam menjalankan tugas, bersedia menjaga maruah agama, bangsa dan negara, dan sentiasa menerima hakikat akauntabiliti akhir adalah terhadap Tuhan.

17. Sederhana

Sentiasa menjamin keseimbangan dalam diri dan tugas serta bersederhana dalam setiap amalan hidup, tindakan dan tingkah laku.

18. Tidak mementingkan diri sendiri

Sentiasa mengamalkan tatakelakuan yang kaya dengan budi pekerti, teguh dengan amalan nilai-nilai murni dan tidak mementingkan diri sendiri.

Jabatan Peguam Negara
Malaysia

1 Julai 2010.